

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

# 21 APR KEPELBAGAIAN AKTIVITI MAMPU MENJADI TARIKAN PENGUNJUNG MUZIUM



PULAU PINANG, 21 April 2015 - Sebut sahaja nama muzium pasti terlintas di fikiran bahawa ia sebuah lokasi yang menempatkan pelbagai artifak dan khazanah yang bersejarah. Jika diperhatikan aktiviti mengunjungi muzium begitu sinonim dengan aktiviti lawatan sambil belajar bagi murid sekolah rendah dan pelajar menengah.

Menurut Timbalan Pengarah Cologne Museum, Koln Jerman, Karin Rottmann, kepelbagaian aktiviti yang unik di muzium dapat menjadikan muzium satu tarikan kepada pengunjung untuk datang melawatinya. Tidak hanya terhad kepada lawatan sekolah tetapi juga generasi muda akan menjadikan muzium sebagai satu tempat untuk dikunjungi pada masa lapang.



"Muzium boleh menjadi program pendidikan kepada generasi muda untuk menarik minat mereka melalui pelbagai aktiviti boleh dilaksanakan di dalam muzium dan tidak menjadikannya sebagai satu tempat yang statik dan hanya dipenuhi dengan bahan-bahan bersejarah sahaja malah juga menjadi pusat pelancongan baharu," katanya.

Tambahnya lagi, jumlah pengunjung tempatan boleh ditingkatkan sekiranya pihak muzium mengambil pendekatan baru dan kontemporari misalnya setiap artifak diselitkan bahan teknologi terkini seperti tontonan video yang segar, pergerakan dan bunyi-bunyian.



"Pendekatan inilah yang dilakukan oleh Cologne Museum, Koln, Jerman dengan para pengunjung bukan sahaja terdiri daripada pelancong asing, tetapi turut diruihkan dengan kunjungan masyarakat tempatan bukan sekadar untuk mendapatkan maklumat malah mereka berpeluang melakukan pelbagai aktiviti seperti membaca, menyertai kuiz, membeli artifak dan mendengar ceramah daripada tokoh-

tokoh sejarah," katanya dalam satu sesi bengkel "Bringing Museums To Life" yang dianjurkan oleh Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah Universiti Sains Malaysia (MGTF USM) dengan kerjasama Goethe-Institut Malaysia.

Dengan pengalamannya yang luas dalam bidang pendidikan muzium, Karin juga terlibat bersama Goethe-Institut Malaysia untuk merangka program latihan yang komprehensif dalam program pendidikan muzium di enam negara di Amerika Selatan.



Sementara itu, Pengarah MGTF USM, Zolkurnian Hassan juga menyedari bahawa golongan muda kurang berminat menghabiskan masa di muzium.

"Cabaran dari pihak muzium pada masa kini adalah generasi muda lebih memilih untuk pergi dan bersiar-siar ke pusat membeli-belah berbanding melawat muzium melainkan dengan lawatan yang dianjurkan oleh sekolah," kata Zolkurnian.

Bengkel seumpama ini mampu memberi pendedahan kepada kurator-kurator muzium untuk mengembangkan idea dalam mempromosikannya kepada masyarakat tempatan dan pelancong asing khususnya generasi muda.

"Di MGTF USM, kami telah melaksanakan pelbagai program pendidikan yang boleh menarik minat pelajar datang ke muzium seperti pensyarah dari Pusat Pengajian Seni USM akan mengadakan kelas di muzium yang secara tidak langsung mampu memberi pendedahan untuk mereka mengenali MGTF dan mempromosikan kepada pihak luar," kata Zolkurnian.

Bengkel sehari ini mengumpulkan kurator-kurator dan pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang muzium dan galeri. - Teks: Syuhada Abd Aziz/Foto: Zamani Abdul Rahim



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015